



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 10 TAHUN 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan Dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

PINDAAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk meminda syarat Skim Pembiayaan Komputer bagi anggota Perkhidmatan Awam.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2000 telah menetapkan syarat bahawa skim pembiayaan komputer akan ditawarkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang bertaraf tetap dan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap lima tahun sekali. Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00.

2.2 Selain itu perenggan 3.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 mentaksirkan "membeli/pembelian komputer" bererti pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer.

2.3 Perenggan 7.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 telah mensyaratkan bahawa amaun pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli sebuah komputer baru termasuk aksesori atau untuk tujuan peningkatan komputer.

3. SYARAT BARU

Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan ini, syarat-syarat tersebut adalah dipinda seperti berikut:-

3.1 Perenggan baru 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:-

“Skim pembiayaan ini akan ditawarkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang bertaraf tetap dan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap tiga (3) tahun sekali. Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00. Permohonan baru hanya boleh diluluskan selepas tiga (3) tahun dikira mulai tarikh kelulusan sebelumnya dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan”

3.2 Tafsiran baru “membeli/pembelian komputer” di perenggan 3.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:-

“membeli/pembelian komputer” bererti pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer pada masa pembelian itu dibuat.

3.3 Perenggan baru 7.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:-

“Amaun pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli komputer baru iaitu komputer peribadi, komputer riba termasuk pembelian pencetak dan pengimbas.”

3.4 Syarat-syarat lain seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 adalah dikekalkan.


4. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2010**.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perbendaharaan ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2000 adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

30 November 2009

s.k.:

*Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia*